

Headline	Tampung jemaah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	54	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	314 cm ²
Journalist	Oteh Ekhwan Haque Fazkd Haque	AdValue	RM 11,597
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,790



FOTO: NIAN NUR ELIANA

JAMIL (lima dari kiri) bersama tetamu yang hadir pada Majlis Penutup Persidangan Imam Besar Masjid Negeri Peringkat Kebangsaan, semalam.

■ Tabung Haji sedia dari segi logistik andai permintaan permohonan tambah kuota dipersetujui Arab Saudi

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my
Shah Alam

Kerajaan melalui Tabung Haji bersedia dari segi logistik untuk menampung pertambahan bilangan jemaah haji pada musim akan datang sekiranya permohonan dibuat baru-baru ini diluluskan kerajaan Arab Saudi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, se-

takat ini keputusan mengenai permohonan itu belum diterima daripada kerajaan Arab Saudi, namun Malaysia berharap permohonan penambahan bilangan jemaah diluluskan memandangkan peningkatan jumlah permohonan rakyat negara ini untuk menunaikan far-du haji setiap tahun.

"Kami masih tunggu keputusan daripada kerajaan

Arab Saudi selepas permohonan menambah 10,000 jemaah dibuat baru-baru ini.

Kerajaan berharap keputusan diperolehi nanti positif. "Tabung Haji selaku organisasi dipertanggungjawabkan menguruskan jemaah bersedia dari segi penyediaan tempat tinggal, penerbangan serta tenaga kerja untuk menguruskan jemaah," katanya pada Majlis Penutup

Persidangan Imam Besar Masjid Negeri Peringkat Kebangsaan, di sini, semalam.

Katanya, bilangan jemaah haji sebelum ini terpaksa dikurangkan kerana kerja pembesaran Masjidil Haram, Mekah, yang masih berjalan sehingga kini.

Kerajaan Arab Saudi menguruskan bilangan 20 peratus berikutan proses pembesaran Masjidil Haram menyebabkan hanya 22,320 jemaah haji Malaysia dibenarkan menunaikan haji di Tanah Suci tahun lalu.

FAKTA
Permohonan menambah 10,000 jemaah dibuat kepada kerajaan Arab Saudi